

Singkap sejarah hidup PM ketiga

Memorial Tun Hussein Onn simpan warisan Bapa Perpaduan dari zaman kanak-kanak hingga saat akhir sebagai pemimpin negara

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

SEBAGAI Perdana Menteri Malaysia ketiga, sumbangan yang diberikan Allahyarham Tun Hussein Onn kepada negara tidak terbilang dan bagi mengenang jasanya itu maka diwujudkan Memorial Tun Hussein Onn.

Terletak di Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur, memorial yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 10 Februari 2006 itu mempamerkan 'segala-galanya' mengenai tokoh pemimpin yang juga dikenali sebagai Bapa Perpaduan.

Penubuhan memorial itu bermula pada 22 Disember 1998 apabila kerajaan memutuskan Memorial Tun Hussein Onn ditempatkan di Blok A, bangunan bekas Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Jalan Dato Onn sekali gus menjadikannya sebuah memorial kekal yang mempamerkan bahan berkaitan Tun Hussein.

Bangunan bereka bentuk moden itu mempamerkan semua warisan berkaitan Tun Hussein, selain memelihara dan memberi kemudahan penyelidikan ke atas bahan sewaktu pentadbiran beliau sementara konsep pameran adalah berdasarkan peristiwa mengikut kronologi

dari awal termasuk era Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri hinggalah ke akhir hayat beliau.

Objektif utama penubuhan memorial itu adalah untuk memelihara segala bahan berkaitan Tun Hussein serta keluarga dari zaman kanak-kanak hingga ke akhir hayat beliau kerana ia menjadi sebahagian daripada warisan sejarah negara yang harus dipelihara termasuk koleksinya yang perlu disimpan kekal.

Selain mengadakan kemudahan penyimpanan, pemeliharaan, pameran, rujukan dan penyelidikan mengenai Allahyarham dan keluarga, memorial itu juga dijadikan pusat penyelidikan mengenai seorang negarawan di samping menjadikannya sebagai satu daripada destinasi tarikan pelancong dari dalam mahupun luar negara.


Memorial Tun Hussein Onn merangkumi tiga aras penting di mana lawatan pengunjung akan bermula di aras tiga dengan pengenalan kepada Kompleks Integrasi yang mengandungi maklumat mengenai sejarah awal Kompleks Jabatan Perdana Menteri, fungsi dan objektif Memorial Tun Hussein Onn, Memorial Tunku Abdul Rahman Putra serta maklumat mengenai empat orang

Perdana Menteri yang pernah bertugas di pejabat berkenaan.

Pelawat juga akan melalui 'LinkWay' iaitu pintu masuk ke ruang utama pameran yang mempamerkan imej Tun Hussein bersama pemimpin dari dalam dan luar negara. Aras ini juga menumpukan kepada pembabitan awal Tun Hussein dalam arena politik dan era kecemerlangan beliau sebagai Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagai Ketua Negara. Di aras ini juga, ada replika pejabat Tun Hussein sewaktu menjadi Perdana Menteri dengan susunan dikedalkan seperti asal.

Pameran di aras dua dimulakan dengan memperkenalkan salasilah keluarganya Tun Hussein Onn yang memperlihatkan darah nasionalisme yang mengalir di kalangan anggota keluarganya bermula dari zaman datuknya, Datuk Onn Jaafar yang menjawat Menteri Besar Johor pertama diikuti peranan dan sumbangan besar yang dimaikkannya.

Aras ini turut menempatkan ruang pameran, tempat simpanan bahan dan ruang kerja; Selain itu, ada sebuah theateret sebagai ruang pengenalan, pameran Tun Hussein dan media massa,



UNIK: Gelungan replika filem yang memaparkan sejarah perjuangan Tun Hussein Onn turut ditayangkan kepada pengunjung.

pameran tetap biografinya,'ruang legar, pameran tetap falsafah dan konsep Tun Hussein.

Pengunjung juga diperkenalkan dengan lebih dekat riwayat hidup Tun Hussein sewaktu zaman kanak-kanak, alam persekolahan hingga kepada kerjaya yang pernah diceburi beliau sebelum mula bergelumang dalam arena politik. Di akhir lawatan aras ini pengunjung dibawa mengenai peranan dan sumbangan Tun Suhailah sebagai wanita pertama yang juga isteri kepada Tun Hussein.

Aras satu mempamerkan bahan berkaitan jasa dan sumbangan yang

dicurahkan oleh Tun Hussein melalui dasaryang dilaksanakan semasa era pemerintahannya. Aras ini juga memperlihatkan usaha yang dilakukan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang ber-satu padu, toleransi dan hidup dalam aman dan damai.

Di akhir lawatan, pengunjung akan dibawa menyoroti saat-saat akhir Tun Hussein sebagai seorang negarawan sebelum disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Sebagaimana berakhirnya perjalanan hidup Tun Hussein, perjalanan di memorial ini juga berakhir di sini dan bagi

pengunjung pula ia adalah satu akhiran kepada perjalanan mengenai seorang Perdana Menteri.

Memorial Tun Hussein dibuka untuk lawatan dari jam 10 pagi hingga 5.30 petang pada Selasa hingga Ahad manakala 10 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 3 petang hingga 5.30 petang pada Jumaat.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Memorial Tun Hussein Onn di Arkib Negara Malaysia, Blok A, Kompleks Bukit Perdana, Jalan Datuk Onn, 50480 Kuala Lumpur atau menerusi 03-20722663 atau faksimili 03-20722664.

NURUL FARIZA MD YUNOS/DAN MAZNI MUHD RUZITA/BERITA HARIAN